



MAT NOOR berpendapat, pemberian hantaran mengikut status dan taraf pendidikan membolehkan ibu bapa wanita dalam menentukan jumlah hantaran.



Usah terikut trend hantaran tinggi

EKSTRA

Dr. Mat Noor Mat Zain

- Bersemita 40 tahun
- Doktor perubatan keluarga
- Menerima anugerah Doktor Honoris Causa dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 2009
- Menerima anugerah Doktor Honoris Causa dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2010

Foto: SHAFFULKAR MOHD NOR

ISNIN lalu kecoh di internet mengenai kisah dan keluarga pengantin bergaduh di Masjid Jamek Al-Khadajah di Pantai Dalam, Kuala Lumpur gara-gara kegagalan pengantin lelaki menyediakan wang hantaran sebanyak RM15,000.

Video tersebut mendapat reaksi daripada pelbagai pihak. Ada yang mempersoalkan tindakan pengantin lelaki yang tidak berhubung secara baik dengan pihak pengantin perempuan dan ada juga yang menyalahkan kedua-dua pihak kerana gagal untuk bertolak ansur sehingga terocustinya kejadian itu.

Tidak kurang juga yang memberi komen dengan mengistakan masalah tersebut mungkin timbul akan timbul jika seselsah perkahwinan itu tidak beribu mementingkan adat seluikunya dibuat mengikut cara Islam.

Pemberian wang hantaran antara lain satu bentuk adat yang diwarisi sejak zaman-baraman sebagai bentuk hadiah

Perbuatan meletakkan wang hantaran yang tinggi disertai dengan niat untuk bermegah-megah sehingga timbul perasaan riak boleh dianggap syirik kecil dalam Islam.

kepada pasangan yang lagi diikahi. Bagaimanapun, seperti sudah menjadi satu trend atau amalan dalam kalangan masyarakat di negara ini untuk memberi wang hantaran yang tinggi.

Kini, nilai hantaran anak gadis mengikut status keluarga, taraf pendidikan, populariti bahkan kecantikan sehingga secara tidak langsung memberi tekanan kepada pasangan terbalik untuk melangsungkan perkahwinan.

Bagi mendapatkan penjelasan lanjut berhubung perkara itu, wartawan Kosmo! Ahad, NOR IDAYU BOSHO menemui bual Ketua Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, **Universiti Kebangsaan Malaysia**, Dr. Mat. Noor Mat

Zain di pejabatnya di Bangi, Selangor baru-baru ini.

KOSMO! AHAD: Dari segi syarak, bagaimana kedudukan wang hantaran perkahwinan jika dibandingkan dengan mas kahwin (mahar)?

MAT NOOR: Mas kahwin merupakan suatu pemberian wajib yang diberikan oleh suami kepada isteri dengan sebab perkahwinan. Yang menjadikan ia wajib adalah akad pernikahan itu sendiri. Apabila berlakunya akad pernikahan, maka mas kahwin itu dengan sendirinya harus ada dan sekiranya tidak dinyatakan dalam akad sekalipun mestinya ada sebab ia sesuatu yang wajib.



UJIAN Mat Noor, trend pemberian hantaran tinggi antara lain menyebabkan perkahwinan yang sepatutnya boleh diawalkan jadi lambat berikutan kalewatan mengumpul duit.

Berbezanya dengan mas kahwin, wang hantaran asalnya daripada adat yang diamalkan masyarakat Melayu di negara ini sejak berikutan lamanya. Dalam Islam, adat boleh diambil kira dalam menentukan hukum tetapi dengan syarat ia mestilah menjadi kebiasaan umum, tidak berubah dari dahulu sehingga kini, diwarisi daripada satu generasi ke generasi lain selain diamalkan oleh sebahagian besar orang dan bukannya satu kelompok sahaja. Meskipun pemberian hantaran menjadi adat, ia terpalang kepada individu untuk mengguna pakai adat tersebut.

Kalau pihak perempuan memilih untuk mengunakan hantaran, maka terpalang kepada mereka untuk menentukan jumlah dan begitu juga sebaliknya. Pihak lelaki bagaimanapun tidak ada pilihan melainkan mengikut permintaan sebelah pihak perempuan kerana pemberian hantaran merupakan hukum adat terpakai.

Dalam adat Melayu, wang hantaran dianggap bantuan kepada pihak perempuan bertujuan mengurangkan beban bakal isteri dan keluarganya dalam membuat persiapan majlis perkahwinan. Bagaimanapun, seperti sudah menjadi satu trend di mana wang hantaran zaman sekarang ditentukan oleh status, taraf pendidikan dan sebagainya. Apakah masyarakat hari ini tidak faham mengenai

konsep wang hantaran? Saya berpendapat sebahagian besar masyarakat di tepian ini faham mengenai pemberian konsep wang hantaran tetapi mungkin mereka tidak begitu jelas mengenai pemberian hantaran itu kerana ia boleh jatuh kepada wanita sahaja, keluarga sahaja atau boleh jadi milik kedua-duanya. Ini berlaku kerana adanya pemberian hantaran, pihak lelaki mungkin tidak menyatakan secara mutlak tujuan pemberian hantaran dan kepada siapa hantaran itu diberikan. Kalau dinyatakan hantaran diberi kepada bakal isteri maka ia menjadi hak mutlak wanita tersebut dan begitu juga jika sebaliknya.

Berkaitan pemberian wang hantaran mengikut status serta taraf pendidikan, saya tidak tahu sama ada perkara ini benar-benar berlaku atau tidak dalam masyarakat di negara ini kerana tiada lagi garis panduan khusus dalam menentukan duit hantaran mengikut status berkenaan. Bagaimanapun saya merasakan hal ini tidak sepatutnya berlaku kerana ia dilihat menyungging daripada matlamat asal pemberian hantaran iaitu sebagai bantuan kepada bakal isteri untuk dijadikan perbelanjaan perkahwinan. Selain itu, timbul juga isu perbezaan taraf wanita dalam menentukan jumlah hantaran.

Apakah rasional memberi hantaran yang tinggi pada zaman sekarang? Adakah ia didorong oleh kenaikan kos sara hidup atau sengaja dibuat dalam nilai tinggi untuk bermegah-megah kepada umum? Jika hantaran itu bertujuan untuk menampung kos melangsungkan majlis perkahwinan, kemungkinannya besar berlaku peningkatan kepada nilai hantaran kerana ia mungkin dipengaruhi faktor ekonomi seperti kenaikan kos sara hidup dan penurunan nilai mata wang tetapi dalam situasi yang meletakkan satu jumlah tertentu berdasarkan taraf pendidikan, status keluarga, kecantikan dan sebagainya, saya melihat ia satu masalah yang perlu dibincangi.

Dalam menentukan nilai hantaran, matematika individu atau keluarga kama betul kerana kama betul kerana tanpa disedari boleh timbul rasa riak atau malah menunjukkan dalam diri sedangkan jumlah nilai hantaran sebenarnya boleh dirahsiakan daripada pengetahuan umum. Tidak ada syarat yang menyekat nilai hantaran perlu

berdasarkan statistik Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, lebih 274,000 pasangan Islam di negara ini bercerai dalam tempoh enam tahun lalu dan perkara ini antara lain terjadi disebabkan ekonomi keluarga yang tidak kukuh. Daripada kes



WANG hantaran diberi kepada pihak perempuan dengan tujuan untuk membantu pengurusan perkahwinan. - Gambar hiasan

dinyatakan semasa melakukan akad kerana yang disebut hanya mas kahwin.

Budaya meletakkan wang hantaran yang tinggi tidak digalakkan dalam Islam kerana ia mendorong kepada pembaziran. Boleh huraikan mengenai perkara ini?

Saya bersetuju dalam hal ini kerana hantaran tinggi datang dengan implikasi yang besar. Selain daripada membazir yang menjadi amalan syaitan, ia juga membebaskan sebelah pihak kerana terpaksa menyediakan wang yang banyak di samping perlu menyara hidup pada masa sama. Hal ini juga boleh menyebabkan sesuatu perkahwinan yang sepatutnya boleh diawalkan jadi lambat berikutan kalewatan mengumpul duit. Tambahan lagi jika wang hantaran itu digunakan semata-mata untuk mengurangkan kemudi dan majlis perkahwinan secara besar-besaran, sudah tentu berlaku pembaziran pada tempat yang tidak sepatutnya.

Lebih teruk, jika perbuatan meletakkan wang hantaran yang tinggi ini disertai dengan niat untuk bermegah-megah sehingga menimbulkan perasaan riak, ia haram dan boleh dianggap syirik kecil dalam Islam. Walaupun tidak sampai syirik besar, ia tetap menjadi masalah yang perlu dibincangi dan patut diwasilkan segera.

Pada begitu, jika hantaran tadi diberikan kepada isteri dengan tujuan khusus seperti untuk simpanan masa depan, maka tidak wujud isu pembaziran, malah ia suatu perbelanjaan yang positif kerana dapat memberi jaminan dalam mengurangkan rumah tangga kelak.

- RUKNIKAH**
- Jarak dalam sukar
 - Perhubungan suami-isteri
 - Iqad
 - Iqad yang baik (sah)
 - Iqad yang tidak sah
- Syarat sah nikah**
- Bagi lelaki**
- Islam
 - Baligh (mampu berfikir dan bertindak)
 - Bujang (tidak berkahwin)
 - Tidak berakhlak yang buruk
 - Tidak berakhlak yang buruk
 - Tidak berakhlak yang buruk
- Bagi perempuan**
- Islam
 - Baligh (mampu berfikir dan bertindak)
 - Bujang (tidak berkahwin)
 - Tidak berakhlak yang buruk
 - Tidak berakhlak yang buruk
 - Tidak berakhlak yang buruk

ini, ada yang mengakui masih dibelenggu hutang kahwin walaupun selepas beberapa tahun mendirikan rumah tangga. Melihat kepada situasi ini, apa kesannya kepada institusi kekeluargaan dan masyarakat?

Tidak dinafikan, berikutan teruk-teruk trend memberi hantaran tinggi, ramai bakal pengantin khususnya golongan muda sanggup berhutang untuk menghidkan hantaran yang banyak. Mereka tidak teragak-agak membuat pinjaman peribadi, namun akhirnya terpaksa menanggung hutang sehingga bertahun-tahun lamanya. Hal ini akhirnya memaksa diri kerana boleh menggugat kestabilan rumah tangga. Hubungan suami isteri menjadi renggang, kerap bergaduh serta bernasam muka sekali gas mendorong kepada perceraian.

Akhir kata, apa nasihat buat masyarakat di luar sana khususnya pasangan yang bakal mendirikan rumah tangga? Saya berpendapat lebih baik kita kembali kepada matlamat utama yang disarankan dalam syarak iaitu membentuk rumah tangga berasaskan kasih sayang dan keberkatan supaya mahligai yang dibina bahagia sehingga ke anak cucu. Lagipun rata-rata pasangan hari ini bercinta terlebih dulu sebelum memasuki alam perkahwinan dan berkahwin atas dasar saling mencintai bukan kerana paksaan orang tua, maka sepatutnya berfikir-cari sebaik mungkin dalam menentukan wang hantaran mengikut kemampuan supaya tidak membebani diri pada masa akan datang. Ingatlah wang hantaran yang tinggi tidak menjamin perkahwinan yang kekal dan berjangkauan.

Akhir kata, apa nasihat buat masyarakat di luar sana khususnya pasangan yang bakal mendirikan rumah tangga?

Saya berpendapat lebih baik kita kembali kepada matlamat utama yang disarankan dalam syarak iaitu membentuk rumah tangga berasaskan kasih sayang dan keberkatan supaya mahligai yang dibina bahagia sehingga ke anak cucu. Lagipun rata-rata pasangan hari ini bercinta terlebih dulu sebelum memasuki alam perkahwinan dan berkahwin atas dasar saling mencintai bukan kerana paksaan orang tua, maka sepatutnya berfikir-cari sebaik mungkin dalam menentukan wang hantaran mengikut kemampuan supaya tidak membebani diri pada masa akan datang. Ingatlah wang hantaran yang tinggi tidak menjamin perkahwinan yang kekal dan berjangkauan.